



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 23 Jun 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN to continue awareness programme for consumers in Limbang, focus still on rural areas

MIRI: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) continues to extend its consumer awareness initiatives to the rural communities in the state's northern region.

According to KPDN Limbang assistant enforcement officer Khadaffi Biansing, five consumer awareness programmes were implemented in the division last year.

"This programme will be continued this year, carried out in the rural areas, including Batu Danau, to further raise public awareness of consumer rights.

"It aims to empower local consumers with knowledge about their rights and responsibilities, particularly in the purchase of goods and services, and also by encouraging them to look out for the safety logos.

"We urge members of the public to be smart and responsible consumers, and to



Khadaffi (standing front, ninth right) and his team join the participants in a group photo.

understand the rights accorded to them, which are in place to protect their interests in all transactions," he said when met at the 'Consumer Awareness Programme with the Community and Friends of Consumers for Limbang Division', at Dewan Bunga Raya in Limbang on Saturday.

Khadaffi added that the feedback from the programme participants was positive.

"Many of them take the opportunity to raise questions related to consumer issues and protection.

"Such levels of engagement and curiosity among the participants serve as good indicators of

growing awareness of this matter among the local community," he said.

The event was run in collaboration with local fitness clubs, namely Cergas Kampung Bunga Raya Aerobics Club, Generasi Cergas Aerobics Club, Limbang Gymnasium Club, and Padang Aerobics Club.

TNG Digital rolls out digital payment tools to support micro, small biz

KUALA LUMPUR: TNG Digital Sdn Bhd is broadening its support for micro and small enterprises, particularly independent traders operating at markets, food stalls and public spaces, by offering accessible and easy-to-use digital payment tools.

The company, through TNG eWallet, provides static QR codes and a Merchant Dashboard system, both free of charge, enabling traders to accept cashless payments and monitor real-time transactions.

TNG eWallet is integrated with DuitNow QR through a partnership with Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), allowing merchants to receive payments from any local bank or eWallet nationwide.

In a statement yesterday, TNG Digital chief operating officer Mohd Herman Sarbini said the company aims to support various types of businesses, from home bakers to startup founders.

"Our solutions are designed to help small merchants grow by giving them tools to manage transactions, track performance and understand customer behaviour," he said.

TNG Digital said that to enhance security, it also introduced the Merchant Soundbox, a device that provides

real-time audio confirmation for each successful transaction and helps prevent scams involving fake payment screens.

"Linked directly to the merchant's account, it gives users greater confidence during busy operating hours," it said.

The Soundbox is offered at promotional prices to ensure affordability for small traders, especially those operating alone during peak hours.

Besides that, for merchants unfamiliar with digital tools, the company provides face-to-face onboarding sessions, live demonstrations and simple user interfaces.

"Outreach efforts are conducted regularly in collaboration with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) through the Retail Digitalisation Initiative and with support from PayNet and state governments," the company said.

TNG Digital further said that during the Ramadan bazaar season, it collaborated with local authorities to help rural entrepreneurs transition to cashless environments.

"TNG Digital is also approved by Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), an agency under the Ministry of Human Resources, to provide

alternative salary payment services to unbanked workers.

"This approval benefits blue-collar and migrant workers, many of whom are employed by micro small and medium enterprises (SMEs)," it said.

Mohd Herman said the approval allows employers to pay salaries directly into TNG eWallet accounts, noting that nearly 70 per cent of the company's merchants are classified as micro SMEs.

"It removes the risks associated with handling cash and ensures workers have secure and immediate access to their earnings," he said.

TNG Digital said that each TNG eWallet account is issued with a DuitNow account number that functions like a traditional bank account, enabling users to send and receive funds from any Malaysian bank and helping to bridge the gap between the unbanked and the formal financial ecosystem.

The company highlighted these initiatives at Expo 2025 Osaka, where it presented tools such as the Merchant Dashboard, Soundbox, and cashback features designed to support small businesses in managing transactions and engaging customers. — Bernama

PJRM@Kampus memanfaatkan 6,000 pelajar UiTM Dungun

Ia bukan sahaja bantu rakyat tangani kenaikan kos sara hidup, malah turut memanfaatkan pelajar di institut pengajian tinggi

DUNGUN: Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) yang dilaksanakan kerajaan dalam membantu rakyat menangani kenaikan kos sara hidup bukan sahaja membantu golongan isi rumah berpendapatan rendah, malah turut memanfaatkan pelajar di institut pengajian tinggi (IPT).

Melalui PJRM@Kampus yang dilaksanakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Dungun semalam, lebih 6,000 pelajar dapat menikmati pembelian pelbagai barangan terutama makanan dan alat tulis pada potongan harga antara 10 hingga 30 peratus berbanding harga biasa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu Mohd Mufsi Lat berkata, selain itu para pelajar juga dapat membeli peralatan keperluan pembelajaran seperti apron dan pisau bagi pelajar jurusan kulineri pada harga lebih murah.

"Pelaksanaan PJRM@Kampus yang kali pertama diadakan di Terengganu ini menawarkan pelbagai keperluan harian dengan harga berpatutan merangkumi 78 item.

"Inisiatif ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mahasiswa mendapatkan barangan keperluan

pada harga lebih rendah di samping membantu merangsang ekonomi koperasi IPT," katanya kepada pemberita selepas meninjau PJRM@Kampus di Koperasi Siswa UiTM Dungun Berhad di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya akan memperluas pelaksanaan PJRM@Kampus di IPT lain pula terutama menjelang kemasukan pelajar baharu pada September dan Oktober ini.

Dalam pada itu, pelajar tahun dua Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Muhammad Azmirul Razzy Azizi, 20, berkata jualan yang diadakan hari ini (semalam) membantunya mendapatkan stok makanan seperti mi segera dan air minuman pada harga lebih murah.

Muhammad Azmirul Razzy yang berasal dari Semenyih, Selangor itu berkata dia terpaksa berjimat setiap hujung bulan kerana enggan menyusahkan ayahnya yang hanya bekerja sebagai kerani dan terpaksa menyara dia serta lima adik-beradik yang lain, manakala ibunya seorang suri rumah.

"Ayah saya beri duit belanja saya sebanyak RM300 tetapi adakalanya tidak cukup. Saya pun tidak mahu meminta lebih wang kerana tidak mahu menyusahkan ayah. Jadi saya terpaksa 'ikat perut' setiap



JUALAN MADANI: Penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun Erina Natasha Mohd Saufi, 23, (kiri) bersama rakan menunjukkan barangan keperluan harian yang dibeli menerusi Program Jualan Rahman MADANI (PJRM) @Kampus di UiTM Dungun, semalam. — Gambar Bernama



BARANG KEPERLUAN: Penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun membeli barangan keperluan harian menerusi Program Jualan Rahman MADANI (PJRM) @Kampus di UiTM Dungun, semalam. — Gambar Bernama

hujung bulan sementara menunggu ayah masukkan duit pada bulan berikutnya.

"Saya juga tidak mengambil pinjaman PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) kerana tidak mahu berhutang. Setiap kali cuti semester saya akan bekerja di kedai makan untuk membayar yuran pengajian setiap semester dan membeli buku-buku," katanya.

Sementara itu, Nur Adlin Darwisah Mohd Kamalia, 19, berkata antara barangan yang dibelinya hari ini adalah ubat-ubatan untuk simpanan

ketika kecemasan.

"Kalau beli di farmasi seperti tampalan peleka demam (KoolFever) harganya agak mahal jadi saya beli di sini kerana cuaca tidak menentu dan saya mudah demam.

"Selain itu saya beli makanan kering seperti roti dan biskut yang lebih murah kira-kira RM1.50 hingga RM2 berbanding harga biasa. Saya harap jualan murah seumpama ini dapat dilakukan lebih kerap di UiTM ini kerana kami dapat berjimat dan menabung," katanya. — Bernama

“Pelaksanaan PJRM@Kampus yang kali pertama diadakan di Terengganu ini menawarkan pelbagai keperluan harian dengan harga berpatutan merangkumi 78 item.”

Mohd Mufsi Lat
Pengarah KPDN Terengganu

'Malay language condition for e-commerce product details a rushed decision'

KUCHING: The Malay language requirement for the names and descriptions of all products offered via e-commerce platforms is a rushed decision, one made without taking micro online businesses into consideration.

In pointing this out, the Kuching branch of Sarawak United People's Party (SUPP) views the policy as one 'that comes with no clear instructions, translation tools or technology support'.

"Many small businesses and young entrepreneurs, especially those selling their products on Shopee, Lazada and TikTok Shop e-platforms, usually write the product descriptions in English. Now they're scrambling to adapt.

"The foreign sellers are also struggling with translation issues, causing widespread confusion," said SUPP Kuching Youth publicity and secretary Bong Siak Ping in a statement yesterday.

It was reported that the policy was scheduled for implementation by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry effective this June

24, but was postponed until further notice following strong backlash from the e-commerce community.

According to Bong, the new rule comes under the Consumer Protection (Electronic Trade Transactions) Regulations 2024, enshrined in the Consumer Protection Act 1999.

"Upon violation of this rule, the offender could be fined up to RM50,000, jailed for up to three years, or both.

"A repeat offender could face fine up to RM100,000 and imprisonment of up to five years; a company could be imposed a fine of RM100,000 for a first offence, and up to RM200,000 for repeat violation," he said.

Bong said although the government had announced the deferment of its implementation, such action was merely a typical gesture of putting the issue on hold.

"E-commerce is inherently international, being predominantly conducted in English. In this regard, the ministry's insistence

on using Malay exclusively is tantamount to 'self-isolation'.

"I wonder if this policy would undermine Sarawak's constitutional rights and administrative autonomy, since the Sarawak Constitution preserves English as an official language widely used in government, education and commerce.

"Forcing Sarawak-based e-commerce operators to use only Malay could be seen as eroding these rights."

Bong also expressed regret that the Democratic Action Party (DAP) Sarawak had remained silent on this issue.

"Has DAP Sarawak succumbed to pressure from its central leadership? At this critical juncture, are they merely playing the role of a 'silent partner'?

"The DAP has championed the concept of a 'Malaysian Malaysia', and DAP Sarawak has never dared to openly support the 'Sarawak First' vision because it represents the interests of peninsula-based groups in Sarawak," he said.

内贸部：违规者可罚款坐牢 卖镀金产品须标明**镀**字

(吉隆坡 22 日讯) 国内贸易及生活成本部表明，2011 年商品说明法令下的商品说明（贵重金属制品）条例，规范了金、银和铂金等贵重金属的销售，并规定镀金、镀银或镀铂金的珠宝在销售给顾客时，必须标明“镀”字眼。

内贸部执法组主任拿督阿兹曼阿当指出，这些条例旨在保护消费者免受诈骗，并确保贵重金属市场的透明度。

他说，违反有关条例的公司将面临高达 2 万 5000 令吉罚款，个人则可面临 1 万令吉罚款；若个人被定罪，还可被判处最高一年监禁，或两者兼施。不遵守此要求的商家将被采取行动。

据《新海峡时报》报道，阿兹曼说，因此，无需禁止镀金产品的销售，因为此类产品受到监管，以保护消费者权益。镀金产品已在市场上销售多年，其日益普及，因此无需

禁止销售。

此前，马来西亚黄金协会（MGA）呼吁，禁止销售“镀金”产品，因为这类产品在 TikTok 等社交媒体平台上越来越受欢迎。

该协会会长拿督威拉黄俊豪表示，这些产品可能被误认为是真金，对消费者、典当行和黄金回收行业构成风险。

他说，厚厚的金箔包裹会使这些物品与真金难以区分，

尤其是对于未经训练的人来说。

阿兹曼表示，迄今为止，该部未接获任何关于销售镀金银制品或类似黄金物品的正式投诉。

他说，网上交易者也必须遵守相关法律，包括根据消费者保护（电子贸易交易）条例附表 3 披露产品信息的要求。

他补充，贵金属销售受到严格监管，以防止欺诈。



阿兹曼阿当



内贸部规定镀金、镀银或镀铂金的珠宝在销售给顾客时，必须标明“镀”字眼。
(档案照)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PPP25 sokong pembangunan digital perniagaan usahawan B40

Oleh **ALLEN MAJAWAN**
utusannews@mediamulia.com.my

KOTA KINABALU: Inisiatif baharu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Program Pendigitalan Perniagaan 2025 (PPP25) bakal menyokong agenda pembangunan perniagaan bagi usahawan B40 dan bakal usahawan melalui pendigitalan.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali, fokus utama inisiatif itu adalah untuk مهددahkan peserta kepada faedah dan kepentingan pendigitalan dalam mengembangkan pasaran serta meningkatkan produktiviti dan kualiti produk mereka.

Katanya, penggunaan teknologi digital misalnya melalui media dan platform e-dagang, bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan operasi perniagaan tetapi juga membuka akses pasaran yang lebih luas sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Tambahnya, pendigitalan perniagaan juga membantu dalam mengurangkan kos operasi,



ARMIZAN Mohd. Ali (tiga dari kanan) menyerahkan sumbangan tanggungjawab sosial korporat SSM kepada seorang penerima pada majlis Program Pendigitalan Perniagaan 2025 (PPP25) di Kota Kinabalu, Sabah, kelmarin.

terutamanya sewaan premis fizikal dan pengiklanan sekali gus meringankan beban para ahli perniagaan dan membantu mereka dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, penganjuran PPP25 peringkat negeri Sabah adalah yang pertama daripada tiga siri yang dirancang untuk tahun ini dengan dua siri lagi akan diadakan di Pulau Pinang dan Terengganu.

"KPDN khususnya komited untuk menggerakkan usaha meningkatkan prestasi sektor perdagangan dan pendedaran," katanya ketika merasmikan PPP25 di Universiti Malaysia Sabah di sini kelmarin.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz dan pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof.

Pada majlis itu, SSM menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Korporat (WZK) bernilai RM107,518 dan sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) berjumlah RM45,000 kepada golongan yang memerlukan di Sabah.

Program tersebut diteruskan dengan sesi ceramah yang merangkumi lima topik, termasuk mengenai pemasaran digital, e-wallet dan payment gateway serta trend digital semasa.

Seorang peserta PPP25, Nursazwani Farhana Rayneldo Fernando berkata, program itu banyak membantu dalam memberi pengetahuan tentang pendigitalan perniagaan.

Pelajar Fakulti Sains dan

Teknologi UMS itu bercadang menceburi bidang keusahawanan selepas habis pembelajaran, secara spesifiknya dalam sektor kosmetik.

"Sebagai seorang pelajar, saya akan mengambil apa yang dikongsikan melalui PPP25 untuk diaplikasikan.

"Sudah tentu saya akan cadangkan program ini, terutama bagi yang ingin menceburi bidang keusahawanan," ujarnya.

Seorang lagi peserta turut berpendapat PPP25 sangat sesuai untuk belia ataupun peniaga yang ingin memulakan perniagaan, dari tahap yang kecil sehinggalah besar.

Efa Elyiana Jelson, pelajar Giatmara Sepanggar berkata, program itu membantu dalam berkongsi maklumat penting untuk mengembangkan perniagaan bakeri beliau.

"Impak pendigitalan perniagaan boleh dilihat bukan setakat orang di sekeliling kita, tetapi juga negeri dan daerah lain.


"Maka itu, program seperti PPP25 amat mendorong peniaga kecil untuk terus tekad dan bersemangat lagi dalam perniagaan masing-masing," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



Beban subsidi bertambah jika harga minyak kekal tinggi

Senario mungkin jejas peruntukan perbelanjaan pembangunan, program sosial utama negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Perbelanjaan subsidi kerajaan akan bertambah jika harga minyak meningkat untuk satu tempoh yang lama, sekali gus memberi tekanan kepada kedudukan fiskal negara dan mungkin menjejaskan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan serta program sosial utama, demikian menurut penganalisis.

CIMB Securities dalam satu

nota penyelidikan berkata, ketika harga minyak mentah dunia melepasi paras AS\$80 satu tong, beban subsidi bahan api khususnya RON95 yang masih menerima subsidi menyeluruh dijangka meningkat ketara bagi mengekalkan harga runcit di pam.

Katanya, berdasarkan unjuran semasa, setiap kenaikan AS\$1 satu tong dalam harga minyak mentah boleh menambah lebih RM400 juta kepada bil subsidi kerajaan bagi bahan api, manakala hasil fiskal daripada Cukai Pendapatan Petroleum (PITA) pula hanya meningkat sekitar RM250 juta hingga RM300 juta bagi jumlah yang sama.

"Ini bermakna, jika harga minyak kekal tinggi untuk tempoh berpanjangan, impaknya kepada kedudukan fiskal negara adalah negatif secara bersih, berbanding lonjakan hasil jangka pendek yang diperolehi daripada sektor petroleum.

"Jika lonjakan harga ini hanya

bersifat sementara seperti berlaku beberapa episod terdahulu, kesan fiskal mungkin dapat dikawal.

"Namun, kenaikan berpanjangan boleh melebarkan defisit dan menyempitkan ruang fiskal untuk perbelanjaan keutamaan lain," kata firma pembrokeran pasaran itu dalam nota yang disediakan oleh penganalisis, Azri Azhar dan Vincent Loo.

Menurut CIMB Securities lagi, bagi 2025, kerajaan telah memperuntukkan RM52.6 bilion bagi subsidi dan bantuan.

Terpaksa tambah peruntukan

"Walaupun peruntukan itu mengambil kira potensi turun naik harga komoditi, sebarang peningkatan ketara dan berterusan dalam harga minyak boleh menyebabkan kerajaan terpaksa menambah peruntukan atau menstruktur semula komitmen belanjawan.

"Ini berpotensi kepada risiko

crowding out atau menjejaskan perbelanjaan keutamaan lain seperti perbelanjaan pembangunan dan program sosial," katanya.

Harga minyak mentah global dijangka melonjak antara AS\$87 hingga AS\$90 satu tong, didorong kebimbangan mengenai potensi penutupan Selat Hormuz dan risiko kerosakan infrastruktur minyak Iran susulan konflik berterusan antara Iran dan Israel.

Rakan Pengurusan SPI Asset Management, Stephen Innes menekankan bahawa Selat Hormuz kekal sebagai laluan laut sempit kritikal yang menjadi saluran kepada kira-kira 20 peratus penghantaran minyak dunia.

"Harga minyak telah meningkat lapan hingga 11 peratus dalam tempoh beberapa minggu ini dan pasaran bersedia untuk sebarang kemungkinan gangguan.

"Kesan limpahan daripada konflik ini dapat dilihat dalam

kos penghantaran, premium insurans dan sentimen risiko keseluruhan dalam pasaran komoditi," katanya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini menegaskan bahawa rancangan pelaksanaan subsidi bersasar RON95 akan diteruskan seperti yang dirangka.

Perdana Menteri bagaimana-napun mengulangi penegasannya bahawa pelaksanaan subsidi bersasar RON95 tidak akan menjejaskan sebahagian besar rakyat.

Menurutnya, terdapat banyak kempen negatif mengenai RON95 dan menjelaskan apa yang dikatakan oleh pembangkang hanyalah gimik yang menunjukkan bahawa rakyat sedang mengalami kesusahan.

"Sama ada kita akan melaksanakannya (subsidi bersasar RON95)? Ya...kita akan melakukannya, kerana rasionalisasi subsidi adalah sesuatu yang kritikal untuk negara kita," katanya.

Saham barangan keperluan dijangka lebih kukuh

PETALING JAYA: Keutamaan perbelanjaan dalam kalangan pengguna dijangka mempengaruhi prestasi saham berkaitan pengguna, dengan saham barangan keperluan harian dijangka menerima lebih banyak perhatian berbanding barangan bukan keperluan, menurut MIDF Research.

Firma penyelidikan itu menjangkakan unjuran yang lebih 'sederhana' terhadap sektor pengguna secara keseluruhan, susulan data jualan runcit April yang menunjukkan tanda-tanda penyesuaian dalam corak perbelanjaan pengguna, meskipun keputusan kewangan suku pertama berakhir 31 Mac 2025 sebahagian besarnya sejajar dengan jangkaan.

MIDF Research menjelaskan perubahan dalam corak perbelanjaan dijangka lebih memihak kepada barangan keperluan, sejajar dengan kebimbangan terhadap kos sara hidup dan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang diperluas bermula 1 Julai ini.

"Syarikat yang menawarkan barangan keperluan lebih terlindung daripada ketidakpastian yang berpunca dari-

pada cukai, disokong oleh sifat keperluan produk mereka dan pendedahan minimum kepada kategori premium atau tidak penting," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Sehubungan itu, MIDF mengekalkan pandangan yang lebih 'konstruktif' terhadap sektor barangan keperluan pengguna berbanding peruncit barangan bukan keperluan di bawah persekitaran semasa.

Firma penyelidikan itu mengekalkan penarafan 'positif' terhadap saham pengguna, dengan saham pilihan utama termasuk Fraser & Neave Holdings Bhd dengan sasaran 'beli' harga sasaran (TP) RM32.68, Aeon Co (M) Bhd (belu, TP: RM1.77) serta Life Water Bhd. (beli, TP: RM1.00).

Sementara itu, Spritzer Bhd. telah dinaik taraf kepada sasaran 'beli' dengan harga sasaran tidak berubah iaitu RM1.75.

Bagaimanapun, Oriental Kopi Holdings Bhd. telah diturunkan kepada 'neutral' selepas lonjakan harga saham baru-baru ini, dengan harga sasaran dikekalkan pada 83 sen, mengambil kira potensi kenaikan yang terhad.



PERUBAHAN dalam corak perbelanjaan dijangka memihak kepada barangan keperluan, sejajar dengan kebimbangan terhadap kos sara hidup dan perluasan Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

SST KE ATAS IMPORT GULA MENTAH

MSM sambut baik penjelasan Kementerian Kewangan

Kuala Lumpur: MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar jenama gula bertapis nasional "Gula Prai", menyambut baik penjelasan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Kementerian Kewangan berhubung Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas import gula mentah.

Kenyataan kementerian itu mengesahkan walaupun SST lima peratus akan dikenakan ke atas gula mentah - bahan utama untuk penghasilan gula bertapis - pihak pengilang gula bertapis boleh memohon pengecualian cukai di bawah syarat ditetapkan.

MSM menerusi satu kenyataan berkata, penjelasan ini susulan kenyataan MSM terhadap potensi tekanan kos yang ketara akibat peluasan SST, seperti yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pada 19 Jun 2025.

Menurut kumpulan itu, peningkatan kos input boleh memberi kesan langsung terhadap struktur harga gula bertapis, yang mungkin mendorong kepada kenaikan harga.

"Kami menghargai perhatian segera Kementerian Kewangan terhadap perkara ini serta pengesahan mengenai laluan yang tersedia untuk pengeluar gula bertapis yang layak mendapatkan pengecualian.

"Ini amat penting memandangkan persekitaran operasi yang mencabar, di mana harga runcit gula kekal dikawal pada RM2.85 sekilogram sejak 2011, walaupun kos gula mentah global meningkat secara ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini," katanya. - Bernama

**"Kami menghargai
perhatian segera
Kementerian
Kewangan
terhadap perkara
ini"**

MSM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH TERKESAN

Minyak masak subsidi **cepat** habis

Oleh Suharmin Yusuf
 suharmin.yusuf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Minyak masak subsidi yang habis dijual dalam masa singkat dan bekalan terhad ketika ini menyebabkan keluarga berpendapatan rendah.

Tinjauan Harian Metro di kedai runcit dan pasar raya sekitar kawasan Kepong dan Lembah Pantai di sini, semalam mendapati ada yang masih menjual minyak masak pekete namun dalam jumlah terhad, manakala ada juga yang langsung tiada bekalan.

Menurut pekerja di premis yang ditemui, bekalan minyak masak bersubsidi sering habis dalam tempoh singkat sebaik sahaja tiba walaupun setiap pelanggan sudah dihadkan kepada maksimum tiga pekete sahaja bagi setiap pembelian.

Pengguna, Azman Shahrudin, 38, berkata, kesukaran mendapat bekalan minyak masak subsidi di pasaran memberi kesan besar kepada pengguna berpen-



TINJAUAN bekalan minyak masak di kedai runcit dan pasar raya sekitar Kepong dan Lembah Pantai. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

dapatan rendah yang bergantung sepenuhnya kepada bahan asas itu untuk penyediaan makanan harian.

"Saya terkesan bila tak dapat beli minyak bersubsidi. Keluarga saya masak di rumah setiap hari, jadi kos naik bila terpaksa beli minyak harga mahal."

"Boleh kata setiap dua

bulan sekali, memang ada waktu susah nak dapat minyak bersubsidi di kedai. Biasanya habis awal atau langsung tak sampai," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, kesukaran itu menyebabkan kos bulanan isi rumah meningkat kerana terpaksa membeli minyak masak tidak

bersubsidi pada harga lebih tinggi.

"Kalau minyak subsidi tiada, kami tiada pilihan selain beli minyak botol. Harga hampir tiga kali ganda. Bayangkan kalau keluarga besar," katanya.

Bagaimanapun, Azman berharap pihak berkuasa dapat memantau dan mengawal penjualan minyak

masak subsidi agar ia benar-benar sampai kepada pengguna sasaran.

Seorang lagi pengguna yang ingin dikenali sebagai Aiman, 27, ketiadaan minyak masak bersubsidi memaksanya membeli minyak yang lebih mahal.

"Ketiadaan bekalan minyak masak subsidi sangat merisaukan kerana kalau beli minyak masak yang tak ada subsidi agak mahal dengan kadar pendapatan yang kadang tak menentu," katanya.

Menurutnya, situasi itu bukan berlaku sekali malah boleh dikatakan kerap berlaku apabila bekalan minyak bersubsidi habis dan perlu menunggu bekalan baharu sampai ke kedai.

"Sangat sukar sebabnya selalu habis dan perlu tunggu sampai bekalan ada, kalau tak ada terpaksa beli minyak yang tak ada subsidi," katanya.

Mengulas lanjut, Aiman berkata, situasi itu menyebabkan perbelanjaan bulanan keluarga terjejas dan berharap pihak berkuasa lebih tegas mengawal pengedaran minyak masak bersubsidi agar tidak di-

monopoli pihak tertentu.

Sementara itu, peruncit yang ingin dikenali sebagai Loke berkata, bekalan minyak masak subsidi yang diterimanya daripada pembekal sangat terhad dan tidak menentu dari segi jumlah serta masa penghantarannya sekali gus menyukarkan mereka untuk memenuhi permintaan harian pelanggan.

"Minyak masak subsidi yang sampai ke kedai biasanya akan habis terjual dalam tempoh yang sangat singkat walaupun pembelian dihadkan kepada satu hingga tiga pekete bagi setiap pelanggan kerana permintaan tinggi dalam kalangan penduduk setempat yang bergantung sepenuhnya kepada minyak ini untuk kegunaan harian," katanya.

Menurutnya, dia berharap agar semua peniaga tidak mementingkan diri sendiri dengan menyorok bekalan atau menjual secara tersembunyi kepada pelanggan terpilih kerana minyak masak subsidi adalah keperluan asas yang sangat penting bagi golongan berpendapatan rendah.

Peniagautamakan telur gred B, C sebab faktor permintaan

Kuala Lumpur: Bukan semata-mata soal harga, sebaliknya faktor permintaan pelanggan dan ketahanan telur menjadi antara sebab utama peniaga lebih gemar menjual telur ayam gred B dan C berbanding gred A atau gred lebih tinggi.

Tinjauan Harian Metro semalam susulan laporan mengenai ketidakseimbangan bekalan telur mendapati ada premis jualan borong dan runcit sekitar ibu negara hanya menyimpan stok telur gred B dan C kerana memberikan sebab ia lebih mudah laris, tahan lama dan tidak mudah rosak. Kakitangan premis pem-

borong di Lorong Haji Hussein di sini, Nor Salimah Salman, 21, berkata, pihaknya hanya menyimpan tiga jenis telur iaitu gred B, C dan D kerana permintaan terhadap gred itu jauh lebih tinggi.

"Telur gred A memang kami sudah tak ambil langsung sebab selain kurang permintaan, kami turut terima aduan ia juga cepat rosak. Apabila simpan lama sikit, kuning telurnya jadi berair dan bila goreng boleh menyebabkan minyak memercik.

"Pelanggan lebih suka gred B dan C kerana saiznya sederhana, tidak mahal dan tahan lama. Se-



NOR Salimah

takat ini bekalan berjalan lancar setiap hari, jadi kami biasanya kekalkan stok gred itu saja," katanya.

Ditanya kesan subsidi



HAIRI

telur akan ditarik sepenuhnya mulai Ogos depan, katanya, buat masa ini pihaknya mengekalkan harga dan sebarang perubahan harga akan datang

akan ditentukan kemudian.

Sementara itu, peniaga runcit di Pasar Jalan Raja Bot, Hairi Ismail, 42, turut memberitahu dia hanya menjual telur gred B dan C kerana dua gred itu paling tinggi permintaan dalam kalangan pelanggan biasa serta pengusaha kedai makan.

"Gred B dan C senang dapat dan stoknya jalan cepat. Kalau gred A pula, kadang-kadang susah dapat dan harganya mahal sikit," katanya.

Menurut Hairi, harga telur gred B yang dibelinya baru-baru ini sudah naik daripada RM9.80 kepada

RM10.80 sepapan dan jangka terus meningkat sedikit demi sedikit menjelang Ogos.

"Kita peniaga ikut saja harga daripada pemborong. Bila subsidi tiada lagi nanti, logiknya memang akan naik lagi. Itu yang kita tunggu dan bersedia sahaja," katanya.

Berdasarkan tinjauan, terdapat perbezaan harga jika dibandingkan ketika awal Mei lalu iaitu telur gred AA kini dijual pada harga RM13.80 (naik daripada RM13.20).

Gred B pada RM10.80 (naik daripada RM9.30) dan gred C pada RM9.90 (naik daripada RM9).

Menangani perubahan dasar kerajaan



PERSPEKTIF
MOHD AFZANIZAM
ABDUL RASHID

Mutakhir ini kita sering mendengar pengumuman berkenaan dasar-dasar kerajaan terutama berkaitan percukaian dan subsidi. Terbaharu, pengumuman dengan peluasan skop Cukai Jualan dan Perkhidmatan atau SST yang akan dilaksanakan pada 1 Julai ini.

Selain itu, langkah rasionalisasi subsidi bahan api RON95 juga bakal dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2025. Begitu juga pelaksanaan tarif asas elektrik yang baharu bermula 1 Julai 2025 sehingga Disember 2027, dengan pengenalan Automatic Fuel Adjustment atau AFA yang akan memberi lebih ketelusan dalam penentuan tarif elektrik.

Namun, berita-berita sentiasa diterima dalam nada negatif. Sebagai contoh, peluasan cukai SST akan menaikkan kos perniagaan dan peniaga tiada pilihan lain

selain menaikkan harga barang mereka. Jika kita perhatikan, setiap kali kerajaan mahu melaksanakan langkah untuk memperbaiki kedudukan kewangannya, ada sahaja nada tentangan daripada pelbagai pihak terutama persatuan-persatuan yang mewakili kepentingan ahli-ahli mereka.

Tidak dinafikan langkah tersebut akan menyebabkan kenaikan kos perniagaan dan berpotensi mengurangkan margin keuntungan. Meskipun demikian, perihal konsolidasi fiskal ini bukan perkara baharu.

Dalam konteks Malaysia terutama sejak pertukaran tampuk pimpinan pada 2018, persoalan untuk melaksanakan reformasi ekonomi terutama hal-hal berkaitan kewangan kerajaan terus menjadi teras dalam ideologi politik.

Naratif itu dilihat berterusan meskipun landskap politik terus berkembang dengan penuh warna-warni. Justeru, bagaimana isu konsolidasi fiskal perlu dilihat daripada kaca mata rakyat marhaen yang tidak terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar ekonomi adalah penting untuk kita bincangkan.

Bagi menghargai usaha konsolidasi fiskal dan kesan kepada rakyat umum,

tidak boleh tidak kita perlu melihat data-data yang ada. Sebagai contoh, pada suku pertama tahun ini, defisit fiskal kerajaan Persekutuan berada pada paras RM21.9 bilion atau 4.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding RM26.4 bilion atau 5.7 peratus daripada KDNK pada suku pertama 2024.

Dua faktor utama yang menyumbang kepada penurunan dalam defisit fiskal ialah kenaikan kutipan cukai SST dan pengurangan perbelanjaan subsidi. Pada 1 Mac 2024, cukai perkhidmatan telah dinaikkan daripada enam peratus kepada lapan peratus dan sekali gus menyebabkan peningkatan cukai SST sebanyak 30.3 peratus kepada RM12.9 bilion pada suku pertama 2025.

Tanggal 10 Jun 2024 pula, rasionalisasi subsidi diesel telah dilaksanakan. Perkara itu menyebabkan penyusutan dalam perbelanjaan subsidi dan bantuan sosial sebanyak 19.4 peratus pada suku pertama 2025.

Berdasarkan angka-angka tersebut, maka tidak hairanlah bagaimana kerajaan boleh menaikkan peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) da-

ripada RM10 bilion pada 2024 kepada RM13 bilion pada 2025. Perkara itu bakal memanfaatkan sembilan juta rakyat Malaysia pada tahun ini.

Sudah pasti, bantuan tersebut akan dibelanjakan oleh isi rumah dan aktiviti itu akan memanfaatkan peniaga melalui hasil jualan yang bakal dicatatkan.

Oleh itu, langkah konsolidasi fiskal perlu dilihat dalam skop lebih luas lagi. Ini kerana apabila kedudukan kewangan kerajaan semakin kukuh, maka rakyat jugalah yang akan mendapat manfaatnya.

Tidak dinafikan kesan jangka pendek seperti kenaikan harga barang mungkin boleh berlaku. Namun, pasaran ekonomi tidak bergerak statik. Perkembangan teknologi telah membolehkan pengguna mempunyai banyak pilihan membeli barangan.

Justeru, peniaga tidak boleh sewenang-wenangnya menaikkan harga barang kerana pelanggan boleh bertukar kepada penjual yang menawarkan harga lebih kompetitif.

**Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid ialah Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Berhad*

Eyes on oil prices, May CPI and update on judiciary

BY CINDY YEAP

International newsflow will likely centre on US President Donald Trump's decision on US action on the Israel-Iran conflict and its impact on markets and commodities, including global oil prices. **Goldman Sachs**, for one, sees escalation of the conflict shoring Brent crude oil prices above US\$90 (RM383) per barrel while **Barclays** reportedly reckons US\$85 to US\$100 is possible if more than half of Iran's exports are disrupted.

In Malaysia, higher global oil prices could affect the timing for the rationalisation of blanket subsidies for RON95 fuel.

There is plenty to watch out for before the three-day weekend at the end of the week in conjunction with Awal Muharram or the Islamic New Year on Friday (June 27).

Data watchers will glean information from the release of the **Consumer Price Index (CPI)** for May on Tuesday (June 24), even though economists see inflation falling closer to the lower end of the official projection of between 2% and 3.5% from the expansion of the **sales and service tax (SST) starting July 1**. Headline inflation was 1.4% in April, the same as March, but down from 1.5% in February. Core inflation was 2% in April, up from 1.9% in March.

The **Department of Statistics Malaysia (DoSM)** will also be releasing the **2024 Labour Force Survey** as well as the **Malaysian Economic Indicators** for April on June 24.

On Wednesday (June 25), DoSM will release statistics on Malaysia's 2024 foreign direct investments as well as the country's direct investments abroad last year.

Traders will be keeping watch on the listing of **Cuckoo International (MAL) Bhd** (Cuckoo Malaysia) on Tuesday for clues on appetite for consumption stocks. The unit of South Korean home-appliance maker Cuckoo Holdings Co had postponed its debut by two months from April 30 following market volatility and had also revised downward its offer price from RM1.29 to RM1.08 per share, which still values the company at RM1.55 billion. The public portion was 1.42 times oversubscribed.

Industrial filter manufacturer **Pan Merchant Bhd** is slated to debut on the ACE Market on Thursday (June 26). Its initial public offering or IPO price of 27 sen gives it a market capitalisation of RM247 million.

Investors will also be watching **Tenaga Nasional Bhd** (KL:TENAGA) following news of a new electricity base tariff of 45.4 sen per kilowatt hour (kWh) from July 1 and the Energy Commission's announcement on June 20 that electricity tariffs for Peninsular Malaysia will be adjusted monthly from next month against benchmark fuel prices, instead of twice a year. Upward adjustment of more than three sen per kWh would need cabinet approval.

In December 2024, Tenaga had announced in a filing to Bursa Malaysia that the base tariff would be adjusted from 39.95 sen to 45.62

sen per kWh from July 1, 2025. Subsequent newsflow raised questions over the matter even though Putrajaya had acknowledged the utility company's need to invest some RM43 billion to upgrade the national power grid.

Top Glove Corp Bhd (KL:TOPGLOV)'s third-quarter earnings' release on Thursday (June 26) should also be of interest, despite the rubber glove sector's lacklustre outlook after the US slashed import tariffs on Chinese-made gloves to 30% from 145% during the 90-day truce pending the outcome of US-China negotiations on reciprocal tariffs.

Newsflow may also emerge from companies holding shareholders' meetings this week. On Tuesday (June 24), **Eco World International Bhd** (KL:EWINT) will hold an extraordinary general meeting (EGM) seeking shareholders' approval to terminate its collaboration agreement with **Eco World Development Group Bhd** (KL:ECOWLD) that includes the adoption of a common brand name. As a consequence, Eco World International will also seek permission to change its name to EWI Capital Bhd.

Companies having annual general meetings (AGMs) this week include **Tropicana Corp Bhd** (KL:TROP) and **Pesona Metro Holdings Bhd** (KL:PESONA) on June 25. AGMs on June 26 include those of **MBSB Bhd** (KL:MBSB), **Muhibbah Engineering (M) Bhd** (KL:MUHIBAH), **PMB Technology Bhd** (KL:PMBTECH), **Dagang NeXchange Bhd** (KL:DNEX) and **KPJ Healthcare Bhd** (KL:KPJ).

Malaysians are also still waiting for word on whether **Tun Tengku Maimun Tuan Mat's** tenure as the country's **first female chief justice** will be extended under the constitutionally mandated six months or someone new will be named to that position. Tengku Maimun turns 66 on July 2.

Incidentally, **Court of Appeal president Tan Sri Abang Iskandar Abang Hashim** and **Federal Court judge Tan Sri Nallini Pathmanathan** will also attain that age on July 3 and Aug 22 respectively. They, too, have yet to receive news on extension of their tenure at press time. It is understood that the Judicial Appointments Commission (JAC) had recommended extension several months back.

Last Friday (June 20), **Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail** announced the appointment of ex-Special Branch chief **Datuk Seri Mohd Khalid Ismail** as the **new Inspector-General of Police** with effect from June 23. The two-year appointment, with the consent of His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, was on the advice of the prime minister and recommendation of the Police Force Commission.



Scan/click
ASK EDGE
12 Things You Must
Know About Any Stock



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 23 JUN 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
23-Jun	RON95 price will not be raised, assures Anwar	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/20/ron95-price-will-not-be-raised-assures-anwar	THE STAR
23-Jun	Makanan rakyat marhaen tidak dikenakan cukai SST	https://www.sinarharian.com.my/article/734648/berita/wawancara/makanan-rakyat-marhaen-tidak	SINAR HARIAN
23-Jun	Will Sugar Prices Hike Under New SST Levy? Concerns Loom	https://latestmalaysia.com/2025/06/20/sugar-	LATEST MALAYSIA
23-Jun	RON95 price will not be raised, assures Anwar	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/20/ron95-price-will-not-be-raised-	THE STAR
23-Jun	ESSCOM Tahan 3 Lelaki, Rampas Barang Seludup Bernilai RM334,000 di Tawau	https://sabahnews.com.my/esscom-tahan-3-lelaki-rampas-barang-seludup-bernilai-rm334000-di-tawau/	SABAH NEWS
23-Jun	Fuziah: Gas tank ops to collect data, not to penalise	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/20/fuziah-gas-tank-ops-to-collect-data	THE STAR
23-Jun	Student reports economy rice stall for steep prices	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/06/20/student-reports-economy-rice-stall-	THE STAR
23-Jun	Program Jualan Rahmah Madani diperluas ke UiTM Dungun	https://www.kosmo.com.my/2025/06/22/program-jualan-rahmah-madani-diperluas-	KOSMO
23-Jun	PJRM@Kampus memanfaatkan lebih 6,000 pelajar UiTM Dungun	https://thesun.my/cerita/berita/pjrm-kampus-manfaatkan-lebih-6000-pelajar-uitm-dungun-LE14329046	THE SUN

23-Jun	PJRM@Kampus manfaatkan lebih 6,000 pelajar UiTM Dungun	https:// www.utusanborneo.com.my/2025/06/22/pjrmkampus-manfaatkan-lebih-6000-pelajar-uitm-dungun	UTUSAN BORNEO
23-Jun	PJRM@Kampus manfaatkan lebih 6,000 pelajar UiTM Dungun	https://www.bernama.com/ bm/am/news.php? id=2436939	BERNAMA
23-Jun	Over 6,000 UiTM Dungun students benefit from PJRM@Kampus initiative	https://thesun.my/malaysia-news/over-6000-uitm-dungun-students-benefit-from-pjrm-kampus-initiative-BE14329679	THE SUN
23-Jun	Penghantar makanan e-hailing didenda RM10,000 urus petrol tanpa permit	https:// www.sinarharian.com.my/ article/735066/berita/ semasa/penghantar-makanan-e-hailing-didenda-rm10000-urus-petrol-tanpa-permit	SINAR HARIAN
23-Jun	Keputusan rayuan SIS Forum Malaysia: Persatuan Ulama gesa SSM perketat garis panduan nama syarikat	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/06/1411217/ keputusan-rayuan-sis-forum-malaysia-persatuan-ulama-gesa-ssm	BERITA HARIAN
23-Jun	Gula putih kekal tidak dikenakan cukai — MOF	https://www.buletintv3.my/ nasional/gula-putih-kekal-tidak-dikenakan-cukai-mof/	TV3
23-Jun	Gula putih kekal tidak dikenakan cukai di bawah SST - MOF	https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/06/1410323/ gula-putih-kekal-tidak-dikenakan-cukai-di-bawah-sst-mof	BERITA HARIAN
23-Jun	Refined sugar or white sugar remains tax-free under SST revision- MOF	https://thesun.my/malaysia-news/refined-sugar-or-white-sugar-remains-tax-free-under-sst-revision-mof-JH14313794	THE SUN

23-Jun	Gula bertapis, gula putih tidak dikenakan SST	https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/06/1232109/ gula-bertapis-gula-putih-	HARIAN METRO
23-Jun	Gula putih tidak dikenakan cukai di bawah semakan SST	https:// selangorkini.my/2025/06/ gula-putih-tidak-dikenakan- cukai-di-bawah-semakan-	SELANGOR KINI
23-Jun	Gula bertapis kekal tidak dikenakan cukai di bawah semakan SST – MOF	https://thesun.my/cerita/ berita/gula-bertapis-kekal- tidak-dikenakan-cukai-di- bawah-semakan-sst-mof- JH14313820	THE SUN
23-Jun	Gula bertapis kekal tidak dikenakan cukai di bawah semakan SST – MOF	https:// utusanarawak.com.my/ gula-bertapis-kekal-tidak- dikenakan-cukai-di-bawah-	UTUSAN SARAWAK
23-Jun	Gula putih kekal tidak dikenakan cukai di bawah semakan SST - MOF	https:// www.sinarharian.com.my/ article/734693/berita/ nasional/gula-bertapis-kekal- tidak-dikenakan-cukai-di- bawah-semakan-sst---mof	SINAR HARIAN
23-Jun	Refined sugar to stay tax-exempt, says Finance Ministry	https:// www.thestar.com.my/news/ nation/2025/06/20/refined- sugar-to-stay-tax-exempt- says-finance-ministry	THE STAR
23-Jun	Makanan rakyat marhaen tidak dikenakan cukai SST	https:// www.sinarharian.com.my/ article/734648/berita/ wawancara/makanan- rakyat-marhaen-tidak-	SINAR HARIAN
23-Jun	Will Sugar Prices Hike Under New SST Levy? Concerns Loom	https:// latestmalaysia.com/2025/06/20/ sugar-prices-hike-sst/	LATEST MALAYSIA